

Ekstrimis Cina tidak berterima kasih: Dr M

“BH 27 NOV 2000
Kalau benar mereka menyokong pembangkang, esok dia minta kat pembangkang, jangan minta kat kita. Mereka boleh menyokong pembangkang tapi esok jangan kata minta itu minta ini tak dapat.”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Oleh Fazli Arman

JITRA, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas ekstrimis Cina kerana tidak berterima kasih kepada kerajaan yang membantu mereka, terutama peniaga melalui program pemuliharaan ekonomi supaya tidak menjadi bankrap.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya ramai peniaga Cina akan menjadi bankrap jika kerajaan tidak membantu mereka ketika kegawatan ekonomi sebelum pilihan raya umum 1999 lalu.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan balasan yang diterima daripada sesetengah golongan seperti Pergerakan Pendidikan Cina (Dong Jio Zong) yang dikatakan menyokong pembangkang pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, 29 November ini.

“Kita tolong mereka tapi inilah balasan yang kita terima daripada ekstrimis Cina. Mereka dapat untung daripada itu tapi tak pernah berterima kasih.

“Kita tolong orang Cina cukup banyak. Sebelum pilihan raya yang lepas, kebanyakan peniaga Cina hampir bankrap, tak sabit (kalau tidak kerana) kerajaan ambil tindakan, mereka semua akan bankrap.

“Kalau benar mereka menyokong pembangkang, esok dia minta kat pembangkang, jangan minta kat kita. Mereka boleh menyokong pembangkang tapi esok jangan kata minta itu minta ini tak dapat.

“Anda nak pembangkang, minta pada pembangkang,” katanya kepada pemberita di kediaman Pegawai Daerah Kubang Pasu selepas melawat beberapa pusat penempatan mangsa banjir di kawasan berkenaan di sini, petang ini.

Turut serta dalam lawatan itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Seramai 1,315 penduduk beberapa kampung di Kubang Pasu ditempatkan di 10 pusat pemindahan banjir, sejak Jumaat lalu apabila kediaman mereka dinaiki air.

Dr Mahathir yang kecewa dengan sikap pertubuhan itu yang membantah penubuhan Sekolah Wawasan selain bersekongkol dengan pembangkang, bagaimanapun yakin isu yang membabitkan kaum Cina dapat diatasi.

Ditanya mengenai dakwaan pembangkang kononnya kerajaan hanya melaksanakan projek pembangunan di sesuatu kawasan apabila wakil rakyatnya meninggalkan dunia bertujuan meraih undi apabila pilihan raya kecil diadakan, Perdana Menteri berkata:

“Tak ada kena mengena, kalau tengok

cetus isu perkauman

DARI MUKA 1

di sini saya belum mati lagi, ada pembangunan atau tidak di Kubang Pasu. Di tempat lain wakil rakyat belum mati, tak ada pembangunan ke?

“Ini cara parti lawan keluar pendapat yang cukup kotor. Kempen secara perkauman kepada orang Cina kata bahasa jiwa bangsa, kepada orang Melayu pun kata bahasa jiwa bangsa juga,” katanya.

Dr Mahathir turut mempersoalkan atas dasar apa pembangkang menuduh Umno cuba menyemarakkan api perkauman antara Melayu dan Cina seperti tragedi 13 Mei.

“Dia yang main isu perkauman, kita tak main isu perkauman. Mereka letak calon berdasarkan kaum, dia tak mahu letak orang India kerana orang Melayu yang sokong dia tak akan sokong India.

“Kita letak orang India kerana kita tahu orang Melayu kita tak bersikap perkauman, mereka sokong calon Barisan Nasional (BN). Tapi bagi parti lawan, dia ambil kira tentang kesetiaan kaum. Lama-lama DAP tak dapat kawasan langsung,” katanya.